

PEMBENTUKAN SAHSIAH REMAJA ISLAM MELALU PUISI MELAYU

NUR AKMALIAH ALIAS
Universiti Kebangsaan Malaysia
nurakmaliahalias@gmail.com

*MAWAR SAFEI**
Universiti Kebangsaan Malaysia
mawar.safei@ukm.edu.my

*Pengarang Pengantara

ABSTRAK

Masalah sosial khususnya dalam kalangan remaja menjadi perkara yang sentiasa berlegar menerusi media massa, seiring peredaran zaman teknologi. Limpahan informasi negatif mempengaruhi sahsiah remaja, terutamanya remaja Islam. Pembentukan akhlak dan sahsiah yang tidak baik ini timbul disebabkan sebahagian remaja Islam mendefinisikan cinta menurut landasan nafsu. Maka apakah acuan yang dapat dimanfaatkan remaja untuk membantu mereka membangunkan peribadi mulia. Oleh itu, kajian terhadap kumpulan puisi remaja *Cinta Allah* karya Hilmi Rindu wajar dilaksanakan bagi menjadi acuan membentuk sahsiah remaja Islam menerusi karya kreatif seperti puisi. Penelitian ini menjurus kepada pemerihalan rasa kepercayaan dan cinta kepada hakiki melalui asas-asas iman dan amalan seseorang Muslim. Kumpulan puisi remaja *Cinta Allah* menghimpunkan 50 buah puisi dengan paparan falsafah cinta unggul. Falsafah cinta yang dikemukakan Ibnul Qayyim al-Jauziyyah (2003) berkait rapat dengan falsafah cinta yang hakiki ini. Analisis dilakukan dalam tiga bahagian utama kumpulan ini, iaitu *Cinta Allah*, *Muhammad Nabiku* dan *Pintu Pagi*. Penemuan kajian ini mendapati teks kesusasteraan seperti kumpulan puisi remaja *Cinta Allah* berupaya mengangkat falsafah cinta unggul ke tahap ruang wacana yang lebih serius, di samping membentuk sahsiah remaja Islam ke arah remaja Islam sejati. Kajian ini diharapkan dapat mengembalikan kefahaman remaja Islam khususnya tentang falsafah cinta yang sebenar. Secara tidak langsung, membentuk sahsiah remaja Islam secara menyeluruh.

Kata Kunci: *Cinta Allah*; falsafah cinta; Hilmi Rindu; sahsiah remaja Islam; puisi Melayu

ABSTRACT

MUSLIM ADOLESCENTS' CHARACTER BUILDING THROUGH MALAY POETRY

Social problems, especially among adolescents, are something that is constantly circulating through the mass media along with the advancement of technology. The overflow of negative information affects the personality of adolescents, especially Muslim adolescents. Negative moral and personality progress arises because some of the Muslim adolescents define love according to the path of lust. The problem statement is what kind of mechanism that could help them. Thus, the study on the collection of adolescent poems *Cinta Allah* by Hilmi Rindu should

be carried out to shape up the personality of Muslim adolescents with creative and critical works. This study leads to the description of sense of faith and love for the Almighty through the basics of faith and practice of a Muslim. The collection of adolescent poems *Cinta Allah* consist of fifty poems with outstanding and marvellous display of love philosophy. The philosophy of love presented by Ibnul Qayyim al-Jauziyyah (2003) is strongly tied to the philosophy of love to the Almighty. An analysis done in three main parts consisting *Cinta Allah*, *Muhammad Nabiku*, and *Pintu Pagi*. This study found that the literature piece as collection of adolescent poems *Cinta Allah* may elevate the ultimate philosophy of love to more serious universe of discussions, additionally shaping up the personality of Muslim adolescents towards true remarkable Muslim. It is expected to help in restoring the understanding of Muslim adolescents, particularly in the true philosophy of love. Ultimately, this study also hope that it can help shaping the personality of Muslim adolescents as a whole.

Keywords: *Cinta Allah*; philosophy of love; Hilmi Rindu; Muslim adolescents' personality; Malay poems

PENGENALAN

Selaras peredaran zaman teknologi, masalah sosial dalam kalangan remaja semakin membimbangkan. Boleh dikatakan hampir setiap hari berita mengenai permasalahan yang mengaitkan tingkah laku remaja tersebar di media massa. Antaranya adalah gangguan dalam bentuk teknologi (Amirul Ashraaf Norman dan Nooraini Othman, 2020), bacaan popular (Roosfa Hashim, 2012) atau pergaulan yang tidak dibataskan dengan hukum moral dan adab secara umum.

Limpahan pengaruh negatif dalam media massa menimbulkan pelbagai masalah sosial dalam kalangan remaja, antaranya kes pembuangan bayi, isu cabul dan rogol, atau sumbang mahram. Perkara ini timbul kerana segelintir remaja mendefinisikan cinta mengikut pemahaman kerangka “nafsu.” Abdul Halim dan Zarin (2005) berpendapat bahawa kewujudan bahan-bahan negatif di luar kawalan dalam media massa seperti akhbar, hiburan, VCD, DVD, TV, radio dan laman-laman sawang menimbulkan pelbagai masalah yang serius kepada perkembangan sahsiah remaja Islam hari ini. Peck (1990) dan Van Cappellen et al. (2016) menyatakan bahawa agama memainkan peranan dalam pembentukan sahsiah individu, begitu juga pendekatan cinta dalam agama sebagai usaha untuk mendidik dan mendekati jiwa anak-anak. Hal ini menjadikan cinta dan agama sama penting dan perlu dititikberatkan dalam kehidupan sehari-hari.

Oleh itu, falsafah cinta yang sebenar perlu ditonjolkan bagi membentuk sahsiah remaja Islam secara menyeluruh. Hakikat ini dapat dilihat dalam banyak karya kesusasteraan Melayu, dan salah satu daripadanya adalah kumpulan puisi remaja *Cinta Allah* karya Hilmi Rindu yang mengandungi 50 buah puisi. Kumpulan puisi remaja ini sarat dengan kepercayaan, kecintaan, keimanan serta asas amalan seseorang Muslim, khasnya bagi remaja Islam.

Menurut Hasnan Kasan (2000), “cinta” ditakrifkan sebagai satu perasaan jiwa, sentuhan hati dan dorongan dari dalam diri yang dialami oleh orang yang mengasihi terhadap orang yang dikasihi dengan emosi yang tinggi dan perasaan yang halus. Fadzilah Kamsah & Syaidatun Nazirah (2008) pula mengatakan “cinta” adalah pertalian kasih sayang merangkumi aspek spiritual, emosi, fizikal, intelektual dan sosial antara individu yang terlibat. Menurutnya lagi, “cinta” merupakan kemahuan, keasyikan, tarikan, kerinduan dan keresahan yang wujud daripada keterikatan perasaan kepada seseorang. Hal ini menjurus kepada masyarakat khususnya remaja Islam yang sentiasa terikat dengan perasaan cinta sesama manusia yang “liar”, tanpa memahami dengan sebenarnya makna cinta.

Hendrick, C & Hendrick S.S (1986) mengklasifikasikan cinta kepada enam corak iaitu *eros*, *ludus*, *storge*, *pragma*, *mania* dan *agape*. *Eros* juga dikenali sebagai cinta romantik oleh Sternberg (1994). Freedman dan Carlsmith (1981) mengemukakan cinta *eros* mengandungi unsur-unsur seperti kedekatan (*proximity*), kemesraan (*warmth*), tarikan fizikal (*physical attractiveness*), ganjaran (*rewardingness*) dan persamaan (*similarity*). *Ludus* atau “cinta main-main”, perasaan cinta yang tidak serius atau tidak meletakkan komitmen dalam menjalin hubungan yang menyebabkan proses hubungan tidak bertahan lama. *Storge* atau “cinta kawan baik”, perasaan cinta individu yang lebih mengutamakan persahabatan atau sekadar teman dengan sifat menghormati terhadap pasangan. *Pragma* atau “cinta praktis”, perasaan cinta dengan meletakkan syarat tertentu sesuai keinginan dalam perhubungan. *Mania* atau “cinta memiliki”, perasaan cinta dengan meletakkan harga diri lebih rendah dan mempunyai perilaku posesif terhadap pasangan. *Agape* atau “cinta altruism”, perasaan cinta peduli terhadap pasangan tanpa mengharapkan balasan dan tidak mementingkan diri.

Walau bagaimanapun, klasifikasi enam corak cinta dari perspektif Barat terdapat perbezaan berbanding perspektif Islam. Aspek yang berbeza itu adalah dari sudut kerohanian remaja Islam mengaitkan pendekatan cinta terhadap Allah S.W.T dan Rasulullah S.A.W. Pendekatan cinta dari perspektif Islam bukan hanya terhad kepada cinta sesama manusia tetapi cinta yang hakiki iaitu cinta kepada Allah SWT.

PERMASALAHAN KAJIAN

Latar awal yang dibentangkan tentang pertelingkahan dalam kehidupan remaja hari ini, hakikatnya berlaku disebabkan remaja tidak memahami bentuk cinta unggul sebagai jalan solusi. Nur Azizah Mustapha, Fariza Md Sham, Ahmad Irdha Mokhtar (2019) menyatakan bahawa dalam konteks pemantapan akidah, tindak balas sosial dan persekitaran terhadap perubahan emosi yang berlaku, membina pengalaman remaja. Ia akhirnya membentuk pemikiran dan cara bertindak termasuk dalam konteks pandangan mereka terhadap perkara yang berkaitan dengan kepercayaan yang dianuti.

Menerusi kajian ini, mahu dirungkai apakah acuan yang dapat dimanfaatkan remaja untuk membantu mereka membangunkan peribadi mulia saat berdepan dengan kekangan sosial dan psikologi itu. Maka tulisan ini mengemukakan kaedah bagaimana cinta dapat dimanfaatkan dalam kalangan remaja untuk mereka mendepani kendala dan rintangan sosial masa kini. Kesusasteraan dilihat merupakan antara suluhan dan usulan. Kesusasteraan sebagai hasil pemikiran dan penaakulan sasterawan, sangat diyakini menjadi metodologi psikologi yang ampuh dalam membantu menumbuhkan peribadi manusia, dan remaja tidak terkecuali (Misran Rokimin, 2008).

Memanfaatkan karya kreatif dalam genre puisi, kumpulan *Cinta Allah* oleh penyair Hilmi Rindu disandarkan untuk melihat bagaimana peribadi remaja yang dilanda gelombang teknologi dan pergaulan sosial tanpa sempadan, dapat dibantubangunkan.

METODOLOGI

Kaedah yang digunakan dalam penelitian ini bersandarkan kepada teknik kualitatif, iaitu menggunakan kajian kepustakaan. Kajian kepustakaan khasnya merujuk buku dan makalah jurnal yang berkaitan dengan mauduk cinta, sahsiah atau personaliti remaja dan kesusasteraan. Teks kajian kumpulan puisi remaja *Cinta Allah* karya Hilmi Rindu dilihat sebagai teks kajian yang masih baharu dan terdapat kekinian. Selain itu, inipati kandungan buku kumpulan puisi remaja *Cinta Allah* bernafaskan Islam yang merangkumi rasa kepercayaan dan cinta akan Allah S.W.T selain menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan asas-asas iman dan amalan

seseorang Muslim. Hilmi Rindu juga ada menyuarakan isi hati pada sari rangsang di bahagian kulit belakang ikhtisar kandungan buku *Cinta Allah*:

“Yang saya puisikan ini bukanlah khayalan atau fikiran saya semata-mata. Ia banyak bersandarkan kepada apa yang telah dikitabkan dan dijadikan pegangan serta amalan para Muslim sejak dahulu lagi. Saya sebagai pengutipnya dengan sedaya upaya menyusun secara bebas berpandukan kreativiti sendiri.”

(Hilmi Rindu, 2015)

Terdapat beberapa pandangan Melayu berkenaan konsep cinta. Menurut Hasnan Kasan (2000), “cinta” ditakrifkan sebagai satu perasaan jiwa, sentuhan hati dan dorongan dari dalam diri yang dialami oleh orang yang mengasihi terhadap orang yang dikasihi dengan emosi yang tinggi dan perasaan yang halus. Fadzilah Kamsah & Syaidatun Nazirah (2008) pula mengatakan “cinta” adalah pertalian kasih sayang merangkumi aspek spiritual, emosi, fizikal, intelektual dan sosial antara individu yang terlibat. Menurutnya lagi, “cinta” merupakan kemahuan, keasyikan, tarikan, kerinduan dan keresahan yang wujud daripada keterikatan perasaan kepada seseorang. Hal ini menjurus kepada masyarakat khususnya remaja Islam yang sentiasa terikat dengan perasaan cinta sesama manusia yang “liar”, tanpa memahami dengan sebenarnya makna cinta. Menurut Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, Rezki Perdani Sawai, Mohd Shahrul Faizie Zaini, Allawati Kasri (2014) pula menyatakan bahawa cinta dalam erti kata yang sebenar amat global dan umum merangkumi cinta hamba kepada Pencipta-Nya, cinta sesama manusia, bapa dan sebaliknya, cinta sesama saudara se-Islam, cinta kepada kebahagiaan dan cinta kepada kesenangan. Tambahnya lagi, istilah cinta telah disalahertikan dengan mengatakan bahawa cinta itu hanyalah terbatas kepada percintaan antara lelaki dan perempuan.

Analisis data kajian ini memfokuskan kepada kandungan puisi yang terdapat dalam kumpulan puisi remaja *Cinta Allah* terbitan Institut Terjemahan & Buku Malaysia, tahun 2015, menerusi lensa falsafah cinta. Ia memperihal definisi sebenar cinta terhadap pembentukan sahsiah remaja Islam menerusi konsep falsafah cinta yang dikemukakan oleh Ibnul Qayyim al-Jauziyyah. Dari perspektif Islam, Ibnul Qayyim al-Jauziyyah (2003) mengkategorikan cinta kepada dua jenis iaitu cinta sejahtera atau cinta nafsu. Cinta hakiki atau cinta sejati membawa kesejahteraan, iaitu perasaan jiwa, kegembiraan, ketenangan dan pengharapan pada sesuatu, iaitu cinta kepada Maha Pencipta. Cinta sejahtera ini juga meliputi cinta kepada Rasul, cinta ibu bapa dan cinta akan ilmu. Huraianya adalah,

“Jenis cinta ada dua macam, yaitu cinta yang tercela dan cinta yang terpuji. Jenis cinta tercela yang paling berat adalah mencintai sesuatu dengan kadar yang sama dengan cinta kepada Allah. Seseorang yang mencintai mencintai sesuatu itu menyamakan cintanya kepada Allah. Jenis cinta syirik ini adalah penyebab utama kesengsaraan seseorang. Sebaliknya jenis cinta terpuji yang paling besar adalah cinta hanya kepada Allah. Jenis cinta ini adalah penyebab utama kebahagiaan seseorang. Mereka yang memiliki cinta ini meski masuk neraka kerana dosa-dosanya akan tetapi mereka tidak kekal di sana.”

(Ibnul Qayyim Al-Jauziyyah, 2003: 228)

Sebaliknya, cinta nafsu merujuk kepada cinta yang tidak mengikut landasan syariat Islam akan tersasar dan mengakibatkan pelbagai masalah yang lainnya. Ibnul Qayyim al-Jauziyyah (2003) juga menyatakan bahawa tingkatan cinta paling tinggi ialah *tatayyum*; hakikat penyembahan dan perhambaan kepada yang dicintai sebagai hamba Allah S.W.T. Petikan ini dapat dilihat seperti yang berikut:

“Tingkatan cinta yang paling akhir adalah tatayyum, yaitu penyembahan dan penghambaan yang dilakukan oleh orang yang mencintai kepada yang dicintai. Oleh karena itu, taimullah artinya hamba Allah.”

“Hakikat penghambaan adalah merendah dan tunduk kepada yang dicintai. Dikatakan thariqun muabbad (dari kata abdun) yang artinya hamba) artinya jalan yang ditundukkan oleh kaki yang lewat. Dikatakan hamba atau abd karena ia telah direndahkan dan ditundukkan oleh cinta kepada yang dicintai. Oleh karena itu, maqam atau kedudukan makhluk yang paling muda dan paling dicintai yaitu Muhammad dengan predikat ubudiyah (penghambaan kepada Allah) karena kedudukannya sebagai penyembah Allah, sebagai penantang kenabian, dan sebagai orang yang dijalan Allah.”

(Ibnul Qayyim Al-Jauziyyah, 2003: 215)

Dalam proses perkembangan falsafah cinta ini, keimanan kepada Allah menerusi akidah yang mantap dalam diri remaja amat penting. Hal ini bertujuan menanamkan benih tauhid ke dalam jiwa remaja, mengetahui kewajibannya kepada Allah secara jelas, mengetahui perkara yang dibolehkan serta perkara yang dilarang.

Perkara ini menjadi tunjang bagi mengkaji teks puisi *Cinta Allah* yang mendasari falsafah cinta kepada tiga bahagian iaitu *Cinta Allah*, *Muhammad Nabiku* dan *Pintu Pagi*. Setiap bahagian ini ditinjau berdasarkan lensa cinta unggul Ibnul Qayyim al-Jauziyyah. Dikemukakan nanti bagaimana peranan cinta unggul itu dapat membantu remaja memahami dan memperhalusinya dalam jiwa dan peribadi mereka.

KEPENYAIRAN HILMI RINDU

Hilmi Rindu atau nama sebenarnya Mohd bin Abdullah dilahirkan pada 1 April 1957 di Kampung Darat Kijal, Kemaman, Terengganu. Beliau mendapat Pendidikan di Sekolah Kebangsaan Chukai, Kemaman, Sekolah Menengah Agama Al-Fallah dan Sekolah Menengah Agama (Atas) Sultan Zainal Abidin, Batu Burok, Kuala Terengganu. Sesuai dengan latar belakang pendidikannya dalam bidang agama, beliau telah mencurahkan bakti taat setianya kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) mulai 1 Julai 1977 sehingga bersara pada 1 April 2009. Sepanjang berkhidmat dengan MAIDAM beliau pernah diberi kepercayaan sebagai Urusetia Penerbitan (mulai 2005 hingga 2009) yang menerbitkan majalah al-Fikrah dan buku-buku agama.

Sehingga kini, beliau telah berjaya menghasilkan lebih 350 buah puisi. Sebahagian daipada puisi beliau dibukukan menerusi kumpulan puisi seperti *Nestapa Membuai* (1978), *Memetik Gerimis* (1989), *Batas Impian* (1991), *Dusun Kemesraan* (2002), *Yang Jauh dan Dekat* (2005), *Segugus Embun* (2005), *Tiga Mata Serangga* (2010), *Bagai Ada Sesuatu* (2010), *Menyentuh Taman* (2012), *Mimpi Kotaku* (2014), *Cinta Allah* (2015), *Potret Kemesraan* (2017) dan *Apabila Tingkap dibuka* (2019).

Hilmi Rindu juga pernah memenangi beberapa hadiah penulisan seperti Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank (1986, 1992, 1993, 1994 dan 1995), Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (2000, 2002, 2004, 2005 dan 2013), Hadiah Sastera Perdana Malaysia (2014 dan 2015/2016), dan Hadiah Sastera Darul Iman (HASDI) I (2013), II (2015), III (2017) dan IV (2019). Beliau merupakan ahli Persatuan Sasterawan Terengganu (PELITA), dan kini dilantik sebagai Penulis Tamu Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kumpulan puisi remaja *Cinta Allah* karya Hilmi Rindu menghimpunkan 50 buah puisi dengan paparan falsafah cinta yang unggul. Kajian ini menganalisis falsafah cinta yang dikemukakan

oleh Ibnul Qayyim al-Jauziyyah (2003) dalam tiga bahagian utama kumpulan puisi ini iaitu *Cinta Allah*, *Muhammad Nabiku* dan *Pintu Pagi*. Bagaimana nanti diperlihatkan, bahasan falsafah cinta itu dalam beberapa kutipan puisi yang berkenaan, dapat menghubungkannya dengan pembentukan peribadi remaja.

Cinta Allah

Pengertian hidup penganut agama Islam yang utama adalah hubungan cinta seorang hamba kepada pencipta-Nya iaitu Allah S.W.T. Hubungan ini merupakan bentuk cinta yang unggul mengatasi cinta yang lainnya. Bentuk cinta ini perlu dilaksanakan dengan kepatuhan kepada-Nya. Apabila ketaatan kepada Allah S.W.T menjadi ukuran cinta, maka perbuatan yang tercela tidaklah layak menurut Allah S.W.T. Allah S.W.T tidak akan menerima perbuatan selain perbuatan yang ditujukan hanya kepada-Nya. Perkara ini menjurus kepada seorang hamba wajib melakukan apa-apa yang diperintahkan oleh Sang Pencipta dan menghindarkan diri daripada apa-apa yang dilarang oleh-Nya. Hakikat tersebut terpancar menerusi puisi “Menjaga Hak Allah” ini,

Kita dituntut menjaga
hak Allah,
menjaga hak Allah,
adalah menjaga perintah
dan larangan-Nya.

Hak Allah paling besar
adalah beribadat kepada-Nya
hanya kepada-Nya sahaja
tanpa dipersekutukan
dengan yang lain.

Barang siapa menjaga hak Allah
ia dinamakan orang beriman,
orang beriman adalah;
orang yang sentiasa bertaubat
orang yang sentiasa beribadat
orang yang hanya memuji-Nya
orang yang mencari dan menyebarkan
ilmu dan agama-Nya
orang yang menyeru kepada kebaikan
serta mencegah berbuat keburukan.

(Hilmi Rindu, 2015: 22)

Menerusi puisi “Menjaga Hak Allah”, penyair menggunakan frasa “menjaga hak Allah” yang merujuk kepada kewajipan seseorang hamba seperti remaja dalam mentaati perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Apabila seseorang hamba-Nya menjaga hak tersebut, seseorang itu digelar orang yang beriman. Puisi “Menjaga Hak Allah”, membahagikan pecahan makna “orang yang beriman” iaitu “sentiasa bertaubat”, “sentiasa beribadat”, “hanya memuji-Nya”, “mencari dan menyebarkan ilmu dan agama-Nya”, “menyeru kepada kebaikan serta mencegah berbuat keburukan”. Al-Qur’an sendiri memberikan senarai ciri orang yang beriman seperti itu daalm hubungannya dengan

pertaubatan (QS an Nur: 31), beribadah (QS ar Rad: 22-24), memuji Allah (QS al Ahzab: 41), keilmuan (QS al Mujadalah: 11) dan berdakwah (QS at Taubah:71)

Oleh yang demikian, orang yang beriman hendaklah menjadi seorang yang beramal untuk memanifestasikan keimanannya kepada semua rukun-rukun iman. Jika seseorang yang mengaku bahawa dia beriman tetapi dia tidak mempamerkan imannya dengan melakukan amal, maka imannya adalah perhiasan dan cita-cita semata-mata. Individu seperti ini hanya menyangka bahawa dia adalah seorang yang beriman dan berharap mendapat keredhaan Allah SWT sedangkan imannya tidak sempurna. (Mustafa, 2009: 92)

Raeza Bahri (2020) pula menyatakan pengertian beriman kepada Allah S.W.T secara *ijmal* (umum) dan *tafsil* (terperinci). Secara *ijmal*, iman kepada Allah adalah meyakini bahawa Allah SWT memiliki sifat yang sempurna, dan Maha Suci dari segala sifat kekurangan. Sedangkan dalam pengertian *tafsil*, iaitu meyakini bahawa sesungguhnya Allah SWT mempunyai sifat-sifat, iaitu: *Wujud* (Ada), *Qidam* (Terdahulu), *Baqā'* (Kekal), *Mukholafatul Lilhawaditsi* (Berbeza dengan makhluk), *Qiyamuhu Binafsihi* (Berdiri sendiri), *Wahdaniyah* (Esa), *Qudrat* (Berkuasa), *Iradat* (Berkehendak), *Ilmun* (Mengetahui), *Hayat* (Hidup), *Sama'* (Mendengar), *Basar* (Melihat), *Qalam* (Berfirman), *Qadirun* (Maha Kuasa), *Muridan* (Maha Berkehendak), *'Alimun* (Maha Mengetahui), *Hayyun* (Maha Hidup), *Sami'an* (Maha Mendengar), *Bashiran* (Maha Melihat) dan *Mutakallimun* (Maha Berfirman).

Pecahan makna orang yang beriman melalui puisi “Menjaga Hak Kita”, mempunyai perkaitan konsep tafsil yang diperkatakan oleh Reaza Bahri (2020). Hal ini membawa kepada sebahagian baris dari puisi Hilmi Rindu yang seterusnya iaitu “Sifat-Sifat Allah”,

Sifat-sifat Allah
terlalu banyak
hingga tak terhitung.

Kita wajib tahu
sekurang-kurangnya
20 sifat Allah;
pertama *Wujud*
bererti Allah itu ada,
kedua *Qidam*
Allah sedia ada
dan tiada permulaan bagi-Nya
ketiga *Baqā'*
Allah tetap kekal
dan tiada pengakhiran bagi-Nya,
keempat *Mukhalafa tu lilhawadith*
Allah berbeza
dengan sekalian makhluk yang ada,
kelima *Qiyamuhu binafsihi*
Allah berdiri dengan sendirinya.

(Hilmi Rindu, 2015: 12)

Beberapa puisi Hilmi Rindu lain yang menyatakan soal kebesaran dan penciptaan Allah S.W.T seperti “Allah Maha Pemurah”, “Allah Menjadikan Kita”, “Allah Maha Pencipta”, “Maha Suci Allah”, “Mustahil bagi Allah”, “Harus bagi Allah” dan “99 Nama Allah”. Kesemua puisi ini mempunyai keterkaitan antara satu sama lain; hubungan sang Pencipta dan hamba-Nya. Melalui puisi-puisi ini, remaja Islam khususnya dapat mengenal Tuhan dengan lebih jelas,

memahami secara langsung sifat-sifat Allah S.W.T dan kebesaran-Nya. Perkara ini menimbulkan rasa cinta yang luar biasa.

Cinta kepada sifat ar-Rahman ini dapat dilihat apabila seseorang itu berjaya mencari Rabbnya dengan mengenal dirinya sendiri. Kewujudan dan kesempurnaan dirinya adalah tergantung kepada Tuhan yang menciptakannya. Jika seseorang mencintai dirinya dan kelangsungan hidupnya, kemudian menyedari bahawa diri dan hidupnya dihasilkan oleh pihak lain, maka tak pelik ia pun akan mencintai pihak lain tersebut. Saat ia mengenal bahawa pihak lain itu adalah Tuhan Yang Maha Pencipta, maka cinta kepada Tuhan pun akan tumbuh. Semakin dalam dia mengenal Tuhannya, maka semakin dalam pula cintanya kepada Tuhan (Binyamin Abrahamov 2003: 45).

Matlamat cinta kepada Allah SWT akan menjurus kepada cinta kerana Allah SWT iaitu perasaan cinta yang menerbitkan keikhlasan dalam diri. Cinta-cinta yang lain akan menyusul dan menyerikan kehidupan kerana perkara tersebut merupakan keperluan atau fitrah manusiawi yang tidak sewajarnya dipertikaikan kepentingannya. Perkara ini dibentangkan penyair menerusi puisi “Allah Perintah Kita”, iaitu,

Allah perintah kita
jadilah insan mulia
dengar nasihat bonda
jangan jadi anak derhaka.

Allah perintah kita
jadilah anak yang soleh
belajar dengan tekun
bersembahyang mengikut rukun.

(Hilmi Rindu, 2015: 23)

Menerusi puisi tersebut, jelas memperlihatkan perintah Allah S.W.T mengubah konsep “cinta kepada Allah” kepada “cinta kerana Allah”. Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, Rezki Perdani Sawai, Mohd Shahrul Faizie Zaini, Allawati Kasri (2014) menyatakan bahawa “cinta kerana Allah” akan menjadikan manusia ikhlas. Contohnya, sebagai anak keikhlasan mencintai ibu bapa dengan mencurahkan kebaktian kepada mereka; sebagai penuntut ilmu keikhlasan mencintai para pendidik dan ilmu yang ditimba supaya ia berkat dan dapat diguna zaman berzaman. Begitu juga sebagai kekasih keikhlasan untuk membina rumah tangga dengan insan yang diselidiki dan diperhalusi akhlak, budi pekerti dan imannya; sebagai anggota keluarga, keikhlasan untuk membimbing pasangan hidup, adik-beradik dan saudara mara dengan akhlak Islami; sebagai anggota masyarakat keikhlasan untuk mencurahkan bakti dan kepakaran demi untuk kemaslahatan ummah dan sebagai hamba Allah, keikhlasan melakukan segala-galanya kerana cinta kepada-Nya.

Sulaiman Alkumayi (2011) dalam catatan panjangnya tentang amalan Asmaul Husna yang dapat membangunkan minda dan memberika dampak besar ke atas fikiran dan ruhani, mengusul empat langkah. Remaja Islam harus menanam iltizam dalam diri untuk mula mengenal nama dan sifat Allah itu. Kedua, bermujahadah dengan serius, dengan melawan rintangan seperti malas, lemah fikiran dan kejemuan. Ketiga, menjadikan nama-nama Allah sebagai wirid dan terakhir menempatkan Asmaul Husna sebagai prinsip hidup (hlm. xvii-xviii).

Oleh itu, cinta kepada Allah S.W.T merupakan cinta unggul, melebihi segala perkara yang ada di dunia. Falsafah cinta ini bertepatan dengan tingkatan cinta paling tinggi iaitu *tatayyum*. Remaja Islam khususnya perlu memahami hakikat bahawa cinta kepada Allah S.W.T

merupakan cinta yang paling mulia dan tidak mampu ditandingi oleh mana-mana cinta yang lainnya. Penyerapan pendekatan cinta dengan pemilihan bait perkataan yang ringkas inilah dapat membentuk sahsiah ke arah lebih baik dan bermakna.

Muhammad Nabiku

Cinta kepada Allah S.W.T merupakan tuntutan yang paling asas dalam Islam. Namun begitu, tuntutan tersebut tidak akan sempurna sehinggalah jejak langkah Rasulullah SAW dituruti sebagaimana yang termaktub dalam al-Quran. Al-Quran juga telah menyingkap tentang tujuan perutusan Rasulullah S.A.W dan kebangkitannya merupakan rahmat kepada seluruh alam dan isinya. Rasulullah S.A.W merupakan utusan Allah S.W.T dan bersamanya wahyu untuk memimpin manusia ke jalan yang benar; sentiasa menginginkan kebaikan dan menyayangi orang-orang yang beriman.

Melalui kumpulan puisi remaja *Cinta Allah*, unsur cinta banyak diperaga dalam bait-bait puisi bagi menggambarkan keperibadian Rasulullah S.A.W. Perhatikan puisi “Rasulullah SAW Insan Terpilih” berikut,

Cahaya daripada segala cahaya
baginda membawa cahaya kebenaran
cahaya gemerlapan ke sekalian alam.

Bagindalah penyeru
bagindalah penyampai
bersamanya al-Quran
bersamanya al-Sunah.

Risalahnya meliputi
seluruh kehidupan
yang sempurna
dan sejahtera.

Sempurna daripada segala kesempurnaan
bagindalah insan yang paling sempurna
dialah suami paling penyayang
dialah bapa yang paling adil
dia pahlawan di medan perang
dia pemerintah di padang siasah
dia pendidik di mimbar madrasah.

Dia siddiq
dia amanah
dia tabligh
dia fatanah.

Muhammad nabiku
Rasulullah SAW
dia utusan Tuhan
sebagai rahmat
sekalian alam.

(Hilmi Rindu, 2015: 28)

Menerusi puisi “Rasulullah SAW Insan Terpilih”, perkataan “penyeru” dan “penyampai” jelas menunjukkan bahawa Nabi Muhammad S.A.W merupakan utusan Allah S.W.T. Kemudian, frasa “bersamanya al-Quran” dan “bersamanya al-Sunah” merujuk kepada setiap pertuturan, tingkah laku dan sifat-sifat Rasulullah S.A.W adalah wahyu yang wajib dituruti. Betapa Rasulullah itu menjadi Rahmat bagi sekali alam (QS al-Anbia’: 107). Rasulullah S.A.W menjadi suri teladan yang terbaik sepanjang zaman dan memiliki sifat-sifat yang sangat mulia.

Dalam puisi “Rasulullah SAW Insan Terpilih” juga ada menyebut empat sifat baginda iaitu “siddiq” yang bermaksud benar; “amanah” (boleh dipercayai), “tabligh” (menyampaikan) dan “fatanah” (bijaksana). Dalam menelusuri nilai-nilai teras yang perlu dijadikan asas kepada integriti masyarakat hari ini, amat tepat apabila dapat dikaji serta difahami. Empat sifat besar yang dapat menjadi nilai teras untuk diamalkan para remaja muslim. Dalam hubungan ini, perlu dilihat diri Rasulullah (SAW) dari dimensi yang pelbagai iaitu bukan sahaja sebagai nabi dan rasul tetapi turut melihat diri baginda sebagai manusia secara individu dan ahli masyarakat (Khairul ‘Azmi Mohamad dan Nooraini Othman, 2009).

Perkara ini dikisahkan dengan lebih mendalam melalui beberapa buah puisi Hilmi Rindu yang lain seperti “Muhammad Nabiku”, “Al-Quran Kitabku”, “Iman” dan “Ada Perkara”. Kesemua puisi ini memperihalkan sirah hidup Rasulullah S.A.W, Al-Quran sebagai panduan hidup umat Islam, iman yang dikaitkan dengan penyerahan diri kepada Allah S.W.T.

Cinta kepada Nabi Muhammad S.A.W saling berkait rapat dengan ibadah solat. Menurut Anisah Ab. Ghani (2001), solat merupakan ibadat yang agung dalam Islam dengan kemuliaan pensyariatannya melalui Isra’ dan Mikraj Rasulullah SAW bertemu Allah S.W.T berbanding ibadat-ibadat yang lain seperti puasa, haji dan lain-lain.

Menerusi kumpulan puisi remaja Cinta Allah ada memperlihatkan tentang ibadah solat yang dianjurkan oleh Allah S.W.T, disampaikan kepada Rasulullah S.A.W. Perhatikan puisi “Mari Kita Solat”,

Mari kita solat
Menyembah kepada Tuhan.

Allah Tuhan kita
Solat perlu dijaga.

Solat dengan perbuatan
Lima kali sehari semalam.

Solat dengan hati
Pasti teguh budi pekerti.

Solat dengan ikhlas
Pasti hilang rasa culas.

(Hilmi Rindu, 2015: 40)

Berdasarkan puisi berikut menunjukkan bahawa menunaikan solat dengan hati yang ikhlas sangat penting dalam kehidupan mukmin. Perkara ini ditegaskan oleh Anas (2012) iaitu solat adalah tiang agama yang diumpamakan sebagai kunci kebahagiaan syurga kepada orang-orang mukmin. Ibadah ini akan menjadi amalan yang pertama dihitung di hari akhirat nanti. Ibadah solat merupakan satu-satunya ibadah yang tiada pencualian sama ada dalam perjalanan atau sedang bermukim, sihat atau sakit, kaya atau miskin, perang atau aman.

Remaja Islam khususnya haruslah memahami ibadah solat dengan baik kerana penghayatan dengan solat dapat membentuk sahsiah remaja ke arah remaja yang berjaya. Kelebihan dalam bersolat dapat mewujudkan ikatan yang kuat antara hamba dengan Pencipta hingga mencapai tahap cinta *tatayyum*, cinta yang paling agung menurut kerangka Ibnul Qayyim al-Jauziyyah. Mengerjakan solat dengan penuh keyakinan dan khusyuk dapat menimbulkan ketenangan hati dan keamanan diri ketika berserah kepada Allah S.W.T.

Hujah ini diperkuat lagi dengan pernyataan Anas (2012), dua syarat perlu dilaksanakan agar solat dapat berperanan kepada penyucian dan kesihatan jiwa. Pertama, melakukan solat dengan sempurna, rapi perbuatannya, menjaga waktunya, tidak lalai, ikhlas dan menepati kaedah berdasarkan Al-Quran dan Sunnah. Kedua, mendirikan solat dengan penuh khusyuk.

Puisi Hilmi Rindu yang berjudul “Solat yang Lima” juga mempunyai kaitan dengan kelebihan bersolat. Puisi ini juga ada menyebut tentang bilangan solat wajib bagi Islam iaitu Subuh, Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak. Melalui pelaksanaan solat sehari-hari, Allah S.W.T mahu mendidik manusia khususnya remaja Islam dalam pembentukan akhlak yang baik. Suhaimi Abu Hassan, Mohd Azam Yahya dan Ahmad Faqih Ibrahim (2019) menyatakan bahawa solat mampu membentuk sifat sabar kerana seseorang yang ingin melakukan solat hendaklah sentiasa bersusah payah bangun seawal pagi untuk menunaikan solat subuh, memberhentikan kerja-kerja seharian bagi memberi laluan kepada ibadat solat zohor dan asar, ketika keletihan iaitu pada waktu yang kerja terpaksa melaksanakan ibadat solat maghrib dan isyak.

Pernyataan ini menyimpulkan bahawa hanya mereka yang mempunyai kesabaran yang tinggi sahaja mampu melaksanakan ibadah tersebut dengan sempurna. Oleh itu, amalan solat seseorang itu mampu menjadi perisai dan benteng yang kebal dalam menghadapi fitnah, kemungkar, kejahatan dan hasutan syaitan.

Terdapat kajian lepas berkaitan pengamalan remaja Islam tentang solat, antaranya kajian Hilmi Ismail (2010) mendapati bahawa kebanyakan mahasiswa TATI University College, Kemaman Terengganu mempunyai pengetahuan asas solat fardu yang baik namun pengamalan solat fardu mereka berada dalam situasi yang membimbangkan dengan hanya 36 peratus sahaja yang konsisten menunaikan solat fardu lima waktu setiap hari.

Perkara ini menjurus kepada beberapa puisi Hilmi Rindu yang memuatkan beberapa ibadah yang harus diikuti oleh remaja Islam, antaranya “Hikmah Ramadan”, “Berkat Ramadan”, “Mengeluarkan Zakat” dan “Mengerjakan Haji”. Kesemua ibadah ini datangnya daripada rukun Islam; ibadah yang wajib dilaksanakan sebagai seorang Muslim sejati.

Oleh itu, bagi mencapai tahap cinta yang paling tinggi iaitu *tatayyum*, remaja Islam wajib merendah dan menghambakan diri kepada Sang Pencipta melalui kecintaan kepada Rasulullah S.A.W. Mencintai Rasulullah S.A.W dengan sungguh hati adalah syarat dari kecintaan kepada Allah S.W.T. Definisi cinta ini mendahului kecintaan kepada diri sendiri, ibu bapa dan masyarakat.

Pintu Pagi

Tiada istilah khas berkenaan bagaimana dibangunkan penggalan *Pintu Pagi* dalam kumpulan puisi ini. Namun begitu, secara kefahaman umum, pintu pagi boleh merujuk kepada bangun awal pagi dan punca rezeki. Bangun awal pagi membolehkan umat Islam menjalankan ibadah seperti solat sunat fajar, solat sunat tahajjud dan berzikir sebelum menunaikan solat fardu subuh. Ketika inilah Allah S.W.T akan membuka seluas-luasnya pintu rezeki, memakbulkan doa-doa mereka yang berdoa dan memberi dorongan dan kekuatan kepada jiwa hamba-hambanya.

Mohd Nasruddin Dasuki (2019) menyatakan bahawa islam menggalakkan umatnya mencari rezeki pada waktu pagi. Rasulullah S.A.W bersabda:

“Bangunlah pada pagi hari untuk mencari rezeki dan keperluan-keperluan hidupmu. Sesungguhnya pada pagi hari, terdapat berkah dan keberuntungan.”

(Riwayat at-Tabrani dan al-Bazzar)

Hal ini menunjukkan bahawa terdapat banyak kelebihan bangun awal pagi, antaranya keberkatan dalam mencari rezeki. Hakikat ini disokong oleh Nurul Fatiha Muah (2019) yang berpendapat bahawa bangun awal pagi bukan sahaja memudahkan segala urusan kerja dan rutin harian, malah ia dituntut dalam agama Islam. Rahmat Allah S.W.T dan keberkatan pagi akan turun buat hamba-Nya yang bangun awal pagi.

Menerusi kumpulan puisi remaja *Cinta Allah*, terdapat beberapa buah puisi yang menyentuh soal bangun awal pagi dan punca rezeki, antaranya puisi “Rezeki” berikut,

Rezeki bertunas
pada awal pagi
maka tinggalkan
tempat tidurmu.

Rezeki turun
bersama subuh
dengan keheningan
bingkisan alam.

Rezeki berkembang
pada waktu pagi
maka bergeraklah
bersama doamu.

Rezeki menguntum
bersama solat
dengan iringan
Razzaq Tuhan.

(Hilmi Rindu, 2015:52)

Rezeki yang dimaksudkan adalah kelebihan bangun awal pagi sebelum subuh. Frasa “*Razzaq* Tuhan” yang digunapakai juga merujuk kepada sifat Allah S.W.T maha pemberi rezeki. Mohd Shahrizal Nasir (2018) menyatakan bahawa antara nama Allah S.W.T yang mesti diimani umat Islam ialah *ar-Razzaq*. Nama itu merujuk kepada Allah S.W.T yang banyak memberi rezeki kepada hamba-Nya.

Hal ini jelas menunjukkan bahawa Allah S.W.T menciptakan makhluk-Nya dan mengurniakan setiap makhluk rezeki daripada pelbagai bentuk. Allah S.W.T tidak sesekali membiarkan makhluk-Nya hidup tanpa kurniaan rezeki. Pernyataan ini diperkuatkan lagi dengan firman Allah S.W.T dengan maksud:

“Dan juga) orang-orang yang sabra (dalam menjunjung perintah Allah), dan orang-orang yang benar (perkataan dan hatinya), dan orang-orang yang sentiasa taat (akan perintah Allah), dan orang-orang yang membelanjakan hartanya (pada jalan Allah), dan orang-orang yang beristighfar (memohon ampun) pada waktu sahur.”

(Surah *Ali Imran* 3: 17)

Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa remaja Islam haruslah bangun awal pagi sebelum subuh untuk melakukan ibadah kepada Allah S.W.T sebagai tanda cinta kepada-Nya. Dalam puisi ini juga menceritakan kelebihan orang yang bangun awal pagi kerana rezeki yang diturunkan amatlah besar nilainya. Terdapat beberapa buah puisi lain yang berbicara soal atau lingkungan yang sama seperti *pintu pagi*, *seru kejayaan* dan *pakaian*.

Kelebihan waktu pagi juga ada keterkaitan dengan ilmu. Islam amat menganjurkan umat-Nya menghargai dan menuntut ilmu pada waktu pagi. Hal ini disebabkan fikiran dan tubuh badan individu masih dalam keadaan segar. Secara tidak langsung, ilmu yang dipelajari mudah diterima. Jika dilihat pada jadual sekolah, kebiasaannya subjek yang sukar seperti subjek Matematik diletakkan pada waktu pagi kerana waktu pagi merupakan waktu yang baik untuk otak bekerja secara maksimum.

Disebabkan sifat ilmu amat besar dan tinggi darjat serta kedudukannya, maka menuntut ilmu tidak membataskan usia seseorang. Selagi seseorang itu ingin mencari ilmu, maka seseorang itu mempunyai peluang untuk menuntut ilmu, Kedudukan ilmu serta orang yang berilmu amat tinggi bukan sahaja dalam kalangan masyarakat tetapi juga di sisi agama. Keutamaan ilmu pengetahuan sangat tinggi dalam Islam kerana hanya dengan ilmu sahajalah dapat menarik atau menjauhkan manusia daripada kegelapan, selain dapat meningkatkan keimanan dan ketakwaan terhadap Allah S.W.T.

Al-Attas (1976) mentakrifkan pengertian ilmu mengikut perspektif Islam adalah sesuatu yang dapat memberitahu serta menjelaskan tempat yang tepat dan betul dan benar bagi sesuatu; dapat menjelaskan batasan dan had dan kegunaan dan maksud sesuatu; dapat menjelaskan perbezaan di antara yang benar dan hak dengan yang palsu dan batil, yang dapat membimbing ke arah kebenaran. Menurut beliau lagi, untuk menjadikan maklumat yang diperolehi itu bersifat ilmu, maka maklumat tersebut mestilah benar. Dengan demikian salah satu tugas ilmuan adalah untuk memastikan maklumat yang diperolehi adalah benar. Sekiranya maklumat tersebut tidak benar ia bukan sahaja menjatuhkan martabat ilmu, malah ia merosakkan ilmu dan boleh mengakibatkan kekacauan dalam pemikiran seseorang dan juga masyarakat.

Kumpulan puisi remaja *Cinta Allah* tidak terlepas membicarakan soal ilmu, antaranya “Ilmu”, “Menuntut Ilmu”, “Umpama Pohon”, “Kelebihan Belajar” serta “Ilmu dan Guru”. Petikan puisi “Umpama Pohon” memperihalkan secara umum tentang perbandingan orang yang berilmu dan orang yang jahil. Perhatikan petikan puisi ini:

Orang yang berilmu
Umpama pohon
Dipenuhi bunga
Cantik memikat,
Dipenuhi buah
Manis dan lazat.

Orang yang jahil
Umpama pohon
Tidak berbunga
Tidak berbuah
Serta kurang
Memberi faedah.

(Hilmi Rindu, 2015: 63)

Penyair cuba menggunakan tamsilan pohon sebagai perlambangan orang yang berilmu dan sebaliknya. Hilmi Rindu menggunakan perkataan ‘bunga’, ‘cantik’, buah’, ‘manis’ dan

'lazat' bagi menggambarkan seseorang yang berilmu. Wan Mohd Zahid Mohd Nordin (1994) menyatakan bahawa ilmu adalah tuntutan asas ke arah menjayakan cita-cita membangun sebuah negara bangsa yang maju, berwibawa dan cemerlang. Oleh itu, jika seseorang itu berilmu, maka gambar pohon atau keperibadian seseorang itu dapat dilihat dari segi perbuatan, tutur kata, tingkah laku dan tindakan. Seseorang yang berilmu sentiasa mengutamakan sikap yang baik dan berfikir-fikir kerana setiap tindakan yang dilakukan harus meneliti sebarang kemungkinan (sebab dan akibat). Remaja Islam mestilah melafazkan cinta terhadap Pencipta melalui jalan menuntut ilmu. Amalan menuntut ilmu tidak hanya diperoleh secara fisik melalui kehadiran dalam kelas atau kuliah, malah pemerhatian terhadap dunia yang sebenar-benarnya itu juga dikira sebagai menuntut ilmu.

Oleh itu, mencintai diri sendiri, ibu bapa, masyarakat perlu diperkuatkan dengan kecintaan kepada Yang Maha Esa, Allah S.W.T. Kecintaan kepada Allah S.W.T dan Rasul-Nya melewati hakikat penghambaan yang sebenar-benarnya. Tingkatan cinta paling tinggi dalam fahaman Ibnul Qayyim al-Jauziyyah, mampu membentuk sahsiah remaja Islam dan seterusnya menjadi hamba-Nya yang sentiasa mengingati dan mentaati segala perintah dan larangan-Nya.

KESIMPULAN

Penelitian ke atas kumpulan puisi remaja *Cinta Allah* karya Hilmi Rindu memperihalkan falsafah cinta unggul sebagai seorang hamba untuk Sang Pencipta. Penelitian ini hanya membataskan kepada beberapa buah puisi, namun begitu puisi-puisi lain yang berkaitan juga dinyatakan secara umum. Kumpulan puisi remaja *Cinta Allah* ini merupakan kumpulan puisi bernafaskan Islam yang merangkumi rasa kepercayaan dan cinta akan Allah S.W.T serta menyentuh asas-asas iman dan amalan, termasuk hubungan dengan Rasulullah dan rutinitas sebagai muslim. Falsafah cinta yang menjadi ukuran dalam kajian ini dibahagi kepada tiga iaitu *Cinta Allah*, *Muhammad Nabiku* dan *Pintu Pagi*.

Pembacaan sehimpunan 50 puisi Hilmi Rindu ini menemukan banyak amalan dan asas-asas Muslim yang perlu diketahui para remaja khususnya remaja Islam. Menerusi kajian ini, didapati puisi yang berjudul "Menjaga Hak Allah" paling jelas memperlihatkan konsep cinta bersifat ketuhanan. Jika diamati bait-bait yang dilakar, puisi inilah penghubung segala isi cinta - kepatuhan hamba kepada Sang Pencipta. Apabila seorang hamba itu taat akan perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya, maka seseorang dinamakan orang beriman. Secara tidak langsung, perbuatan, tingkah laku yang lainnya akan terjaga.

Kumpulan puisi ini dapat mendorong para remaja untuk memahami falsafah cinta yang sebenar-benarnya, tidak hanya memahami cinta yang berlandaskan nafsu semata-mata. Penggunaan bahasa yang sederhana dan bersifat selapis juga, dalam kebanyakan puisi yang ditampilkan, rata-rata sesuai untuk para remaja memahami walaupun dengan bentuk puisi yang menggunakan patah perkataan terhad. Keperibadian dan latar belakang Hilmi Rindu juga memberi kesan positif dalam penghasilan karya. Hilmi Rindu menghasilkan puisi-puisi yang santai dan ringkas yang menjadikan keseluruhan kumpulan puisi remaja *Cinta Allah* ini sarat dengan kecintaan kepada Sang Pencipta. Rasa ketundukan dan penyerahan yang dilakukan hamba yang mencintai kepada yang dicintai ketara dipersembahkan menerusi puisi-puisi karya Hilmi Rindu. Jelas bahawa kumpulan puisi remaja *Cinta Allah* ini memuatkan pelbagai falsafah cinta yang hakiki amat bermanfaat untuk para remaja Islam.

RUJUKAN

- Abdul Halim T. dan Zarin I. 2005. Nilai Akhlak dan Pengaruh Media Massa di Kalangan Remaja Islam Luar Bandar. *Islamiyyat*, Vol. 27(2), 57-70.
- Al-Attas, Muhammad Naquib. 1976. *Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Amirul Ashraaf Norman dan Nooraini Othman. 2020. Ketagihan Pornografi dalam Kalangan Remaja: Faktor dan Implikasi Terhadap Sahsia Diri Remaja. *Jurnal Melayu*, Vol. 19 (2), 205-215.
- Anas, A. K. 2012. Tazkiah Al-Nafs. (H. E. Threeska, Trans.) Jakarta Timur: Akbar Media.
- Anisah Ab. Ghani. 2001. *Konsep dan Pengamalan Solat*. Batu Caves: Al-Hidayah Publishers.
- Binyamin Abrahamov. 2003. *Divine Love in Islamic Mysticism: The teaching of al-Ghazali and al-Dabbagh*. New York: Routledge Publisher.
- Fadzilah Kamsah & Syaidatun Nazirah. 2008. *Psikologi Cinta*. Kuala Lumpur: PTS Millennia.
- Freedman & Carlsmith. 1981. *Social Psychology*. 4nd edition. New Jersey: Prentice Hall.
- Hasnan Kasan. 2000. *Cinta dan Seks Menurut Perspektif Islam*. Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu.
- Hidayatullah. 2010. Pendidikan Karakter Membangun Peradaban Bangsa. Surakarta: Yuma Pustaka.
- Hilmi Ismail. 2010. *Pengamalan Solat Fardu di kalangan Mahasiswa di TATi University College (TATiUC) Kemaman Terengganu*. Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam: Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Hilmi Rindu. 2015. *Cinta Allah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Ibnul Qayyim al-Jauziyyah. 2003. *Penawar Hati yang Sakit*. Jakarta: Gema Insani.
- Khairul 'Azmi Mohamad dan Nooraini Othman. 2009. *Nilai yang Mendasari Integriti dan Amalan Masyarakat Hadhari*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository.
- Misran Rokimin. 2008. *Seperti Sejalur Pelangi: Pemaparan Konflik Remaja Menuju Kecemerlangan*. *Jurnal Melayu*, Vol 3, 1-17.
- Mohd Nasruddin Dasuki. 2019, 8 Mei. *Keberkatan Mencari Rezeki pada Waktu Pagi*. Sinar Harian Online. Bahan diakses pada 15 Januari 2021, daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/27055/LIFESTYLE/Sinar-Islam/ISLAM-begitu-menggalakkan-umatnya-mencari-rezeki-pada-waktu-pagi>
- Mohd Shahrizal Nasir. 2018, 3 Disember. *Allah Pemberi Rezeki*. Harian Metro Online. Bahan diakses pada 15 Januari 2021, daripada <https://www.hmetro.com.my/addin/2018/12/400169/allah-pemberi-rezeki>
- Mustafa, A. R. 2009. *Hadis Empat Puluh*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Nur Azizah Mustapha, Fariza Md Sham, Ahmad Irdha Mokhtar. 2019. Pendekatan Dakwah Targhib dan Tarhib dalam Membina Adab Remaja. *Jurnal Hadhari* 11 (2): 267-289.
- Nurul Fatiha Muah. 2019, 11 Oktober. *Begitu Besarnya Rahmat apabila Bangun sebelum Subuh*. Sinar Harian Online. Bahan diakses pada 15 Januari 2021, daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/51439/LIFESTYLE/Sinar-Islam/Begitu-besarnya-rahmat-apabila-bangun-sebelum-subuh>
- Peck, M. S. 1990. *The Road Less Travelled: A New Psychology of Love, Traditional Values and Spiritual Growth*. London: The Random House.
- Raeza Bahri. 2020. *Pendidikan Tauhid dalam Kitab Jawahirul Kalamiyah karya Syekh Thahir bin Saleh Al-Jazairi*. Master Dissertation. Jawa Tengah: IAIN Salatiga.

- Roosf Hashim. 2012. Bentuk Budaya Asing dalam Majalah dan Komik Remaja di Pasaran Tempatan. *Jurnal Melayu*, Vol. 9, 85-98.
- Sternberg R. J. 1994. *Pathways to Psychology*. Fort Worth: Harcourt Brace College Publishers.
- Sulaiman Alkumayi. 2011. *99Q Kecerdasan Berasaskan Asmaul Husna*. Batu Caves: PTS Millenaia.
- Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, Rezki Perdani Sawai, Mohd Shahrul Faizie Zaini, Allawati Kasri. 2014. Pendekatan Dakwah Melalui 'Konsep Cinta Muslim' dalam Menangani Masalah Sosial Remaja. *Jurnal Al-Hikmah* 6: 21-34.
- Van Cappellen, P., Toth-Gauthier, M., Saroglou, V., & Fredrickson, B. L. 2016. Religion and Well-Being: The Mediating Role of Positive Emotions. *Journal of Happiness Studies*, Vol 17(2), 485-505.
- Wan Mohd Zahid Mohd Nordin. 1994. *Wawasan Pendidikan Agenda Pengisian*. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai Publishing Sdn. Bhd.

Biodata Penulis:

NUR AKMALIAH ALIAS adalah pelajar Sarjana Sastera Kerja Kursus (Kesusasteraan Melayu) di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

MAWAR SAFEI (PhD) adalah Professor Madya di Program Persuratan Melayu, Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Kesusasteraan Melayu Moden dengan pengkhususan dalam bidang penulisan kreatif dan Sastera Bandingan.